

27/04/2003

Projek Ladang Satelit gabung unsur rekreasi keluarga

KUALA LUMPUR: Konsep perladangan baru dengan menggabungkan unsur rekreasi keluarga dan barangan segar yang dilancar Julai depan akan memberi peluang kepada orang ramai membeli barangan murah dan segar terus dari ladang.

Program yang dinamakan Projek Ladang Satelit itu sudah dimulakan di enam negeri di seluruh negara dengan anggaran kos sekitar RM1 juta dan keluasan kira-kira 491 hektar, membabitkan 250 peserta.

Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi berkata, selain Projek Ladang Satelit Sungai Serai di Selangor, lokasi lain termasuklah Kampung Jelatang di Gurun, Kedah, Kampung Kepayang di Ipoh Perak, Kampung Sungai Udang di Melaka, Kampung Sungai Baru di Johor dan Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Ahmad Shah di Pahang.

"Kewujudan ladang satelit begini dapat menarik orang bandar datang ke kawasan itu, bukan saja untuk membeli produk pertanian seperti sayuran, buah-buahan juga ikan air tawar dengan harga murah, tetapi kawasan itu berperanan sebagai kawasan rekreasi sekeluarga," katanya selepas membuat lawatan kerja ke Projek Ladang Satelit di Sungai Serai, Gombak dekat sini semalam.

Projek yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed itu diwujudkan bagi meningkatkan produk pertanian seperti ulam-ulaman, sayuran selain ikan bagi memenuhi keperluan penduduk kawasan bandar.

Majlis perasmian projek ini dijangka disempurnakan oleh Dr Mahathir sekitar Julai ini.

Ladang satelit Sungai Serai yang sudah dimulakan sejak tahun lalu membabitkan kawasan sekitar 44 hektar dengan 16 kolam ikan air tawar selain beberapa tapak semaian sayuran dan herba.

Projek itu diharap menjadi nukleus untuk pembangunan pertanian di kawasan bandar utama yang berperanan membekal keperluan bahan makanan segar.